

8) PROJEK RUMAH TERBENGKALAI

Adun : Y.B. Puan Pang Sock Tao (Kuala Kubu Baharu)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Nyatakan jumlah projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan di setiap PBT setakat Jun 2025?

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek terbengkalai / bermasalah di Negeri Selangor bagi setiap PBT sehingga Jun 2025 adalah seperti berikut :-

BIL.	PBT	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1.	MBSA	17	1,946
2.	MBPJ	2	925
3.	MBSJ	5	3,791
4.	MBDK	40	5,205
5.	MPAJ	3	2,307
6.	MPS	13	4,177
7.	MPKJ	17	4,792
8.	MPSP	12	2,116
9.	MPKL	29	1,582
10.	MPKS	10	1,922
11.	MPHS	13	5,508
12.	MDSB	1	30
JUMLAH		162	34,301

- b) Nyatakan jumlah projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan di MPHS setakat Jun 2025 dan status pembangunan semula yang sedang dirancang atau dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.

Senarai projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan di MPHS adalah seperti berikut :-

BIL.	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT	STATUS
1.	Taman Lembah Beringin	Lembah Beringin Sdn. Bhd.	902	- Pihak LPHS dan MPHS sedang mengenalpasti pemaju penyelamat yang boleh melaksanakan pemulihan projek unit-unit yang telah dijual kepada pembeli. - Menurut surat dari Lembah Beringin Sdn Bhd (penerima dan pengurus dilantik) bertarikh 1 Ogos 2023 menyatakan bahawa Encik Andrew Heng dan Puan Anoopal Kaur A/P Kirpal Singh dari Tetuan Baker Tilly Insolvency PLT telah dilantik sebagai penerima dan pengurus bagi syarikat tersebut pada 4/7/2023.

